



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGUKURAN ELEMEN KBAT DALAM BUKU TEKS BAHASA MELAYU TAHUN ENAM

NORZIANA BINTI MAT RABI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Objektif kajian ini adalah untuk mengukur pelaksanaan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) pada arahan aktiviti pembelajaran dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu menganalisis dokumen untuk mengenal pasti elemen KBAT pada arahan soalan aktiviti pembelajaran bagi setiap kemahiran bahasa. Kajian ini menggunakan Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam sebagai sampel kajian. Data dikumpul menggunakan senarai semak ciri-ciri elemen KBAT, senarai semak arahan aktiviti pembelajaran dan temu bual pakar bagi mendapatkan respons terbuka. Data yang diperoleh dianalisis, dirumus dan dibandingkan antara setiap kemahiran bahasa. Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 50 peratus elemen KBAT diterapkan dalam buku teks. Dapatan kajian juga menunjukkan elemen KBAT sesuai dilaksanakan dalam aktiviti kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa pelaksanaan elemen KBAT pada arahan aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam menepati kehendak Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Impak kajian ini menunjukkan bahawa elemen KBAT masih tidak dilaksanakan sepenuhnya dalam buku teks.

Kata kunci: *buku teks Bahasa Melayu, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi*





MEASUREMENT OF HOTS ELEMENTS OF THE MALAY LANGUAGE TEXTBOOKS YEAR SIX

ABSTRACT

The objective of this research is to measure the application of Higher Order Thinking Skills (HOTS) elements in the rubrics for learning activities in *Bahasa Melayu* Year Six Textbook. Qualitative approach is used as the design of study in which documents were analysed to identify the HOTS elements in the learning activities rubrics for each language skill. This study used *Bahasa Melayu* Year Six Textbook as the sample of study. Data is collected using a checklist for characteristics of HOTS elements, checklist for learning activities rubrics and interview with experts for open response. Collected data were analysed, summarised and compared among each language skill. The finding research showed that 50 percent of HOTS elements are implemented in the textbook. The elements applied are also suitable for all language skill activities namely listening and speaking, reading and writing skills. In conclusion, the research proves that the implementation of HOTS elements for the activity rubrics in *Bahasa Melayu* Year Six Textbook meets the requirement of Malaysian Education Development Plan 2013-2025. The impact of this study shows that the HOTS elements are still not fully implemented in textbooks.

Keywords: *Bahasa Melayu textbooks, Higher Order Thinking Skills*



KANDUNGAN

	Muka surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv

BAB 1	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	10
1.4	Objektif Kajian	12
1.5	Soalan Kajian	13
1.6	Batasan Kajian	13
1.7	Kepentingan Kajian	14
1.8	Kerangka Konsep	14

1.9	Definisi Operasional	15
1.9.1	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	15
1.9.2	Buku Teks	16
1.10	Kesimpulan	16

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR 17

2.1	Pengenalan	17
2.2	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	18
2.2.1	Elemen KBAT Mengaplikasi	22
2.2.2	Elemen KBAT Menganalisis	22
2.2.3	Elemen KBAT Menilai	23
2.2.4	Elemen KBAT Mencipta	23
2.3	Buku Teks	23
2.4	Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam	27
2.5	Buku Teks dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	32
2.6	Aplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu	34
2.7	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran dan Huraian Sukatan Pelajaran	38
2.7.1	Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Kemahiran Mendengar dan Bertutur	38
2.7.2	Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Kemahiran Membaca	41

2.7.3	Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Kemahiran Menulis	43
2.8	Kesesuaian dan Keberkesanan KBAT bagi Kemahiran Bahasa	46
2.8.1	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi bagi Kemahiran Mendengar dan Bertutur	47
2.8.2	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi bagi Kemahiran Membaca	49
2.8.3	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi bagi Kemahiran Menulis	52
2.9	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dan Kemahiran Berfikir Aras Rendah	53
2.10	Teori Berkaitan Kemahiran Berfikir	60
2.11	Kesimpulan	66

BAB 3 METODOLOGI 67

3.1	Pengenalan	67
3.2	Reka Bentuk Kajian	67
3.3	Sampel Kajian	69
3.4	Instrumen Kajian	69
3.4.1	Senarai Semak Ciri-ciri Elemen KBAT	70
3.4.2	Senarai Semak Elemen KBAT	71
3.4.3	Komen Pakar	72
3.4.3.1	Soalan Temu Bual Pakar	72
3.5	Pengumpulan Data	72
3.5.1	Analisis Dokumen	73
3.5.2	Senarai Semak	73

3.5.3	Komen Pakar	74
3.5.3.1	Pakar Pertama	74
3.5.3.2	Pakar Kedua	74
3.5.3.3	Pakar Ketiga	75
3.6	Carta Alir Temu Bual Pakar	75
3.7	Kesimpulan	75

BAB 4 DAPATAN KAJIAN 76

4.1	Pengenalan	76
4.2	Ciri-ciri Elemen KBAT dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam	77
4.3	Elemen KBAT pada Arahan Aktiviti Pembelajaran bagi Kemahiran Bahasa	84
4.3.1	Elemen KBAT Mengaplikasi dalam Buku Teks	88
4.3.2	Elemen KBAT Menganalisis dalam Buku Teks	89
4.3.3	Elemen KBAT Menilai dalam Buku Teks	91
4.3.4	Elemen KBAT Mencipta dalam Buku Teks	92
4.4	Ulasan Pakar bagi Penerapan Elemen KBAT	94
4.4.1	Ulasan Pakar tentang Penerapan Elemen KBAT dalam Aktiviti Kemahiran Mendengar dan Bertutur	95
4.4.2	Ulasan Pakar tentang Penerapan Elemen KBAT dalam Aktiviti Kemahiran Membaca	103
4.4.3	Ulasan Pakar tentang Penerapan Elemen KBAT dalam Aktiviti Kemahiran Menulis	109

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN 112

5.1 Pengenalan 112

5.2 Ringkasan Dapatan 112

5.3 Perbincangan Dapatan 113

5.3.1 Kata Kerja yang Menentukan Kewujudan Elemen KBAT 113

5.3.2 Kekerapan Elemen KBAT dalam Buku Teks 115

5.3.3 Kesesuaian Penerapan Aktiviti dalam Buku Teks 116

5.4 Implikasi Kajian 118

5.5 Kajian Lanjutan 120

5.6 Cadangan 121

5.7 Kesimpulan 122

LAMPIRAN 123

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
2.1 Tema dan Unit dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam	29
2.2 Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Kemahiran Mendengar dan Bertutur	39
2.3 Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Kemahiran Membaca	42
2.4 Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Kemahiran Menulis	44
3.1 Senarai Semak Ciri-ciri Elemen KBAT	70
4.1 Senarai semak ciri-ciri elemen KBAT	78
4.2 Arahan Aktiviti yang Menggunakan Kata Kerja Elemen KBAT	79
4.3 Arahan Aktiviti yang Tidak Menggunakan Kata Kerja KBAT	82
4.4 Kekerapan Elemen KBAT dalam Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca dan Kemahiran Menulis	85
4.5 Kekerapan Penggunaan Elemen KBAT Mengaplikasi, Menganalisis, Menilai dan Mencipta dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam	87
4.6 Kewujudan Elemen KBAT Mengaplikasi dalam Unit 18: Bersyukurlah	89
4.7 Elemen KBAT Menganalisis dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam	90
4.8 Elemen KBAT Menilai dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam	91
4.9 Elemen KBAT Mencipta dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam	92
4.10 Arahan Aktiviti dalam Kemahiran Mendengar dan Bertutur	96
4.11 Arahan Aktiviti yang Perlu Disesuaikan dengan Elemen KBAT	98
4.12 Arahan Aktiviti yang Menunjukkan Pertuturan Biasa	99



4.13	<i>Contoh Aktiviti yang Memerlukan Daya Kreativiti untuk Proses Pengajaran</i>	102
4.14	<i>Penerapan Aktiviti yang Mempunyai Elemen KBAT dalam Kemahiran Membaca</i>	104
4.15	<i>Kewujudan Elemen KBAT Mencipta dalam Kemahiran Menulis</i>	110
5.1	<i>Senarai Semak Ciri-ciri Elemen KBAT</i>	114
5.2	<i>Kekerapan Elemen KBAT dalam Buku Teks</i>	115
5.3	<i>Kekerapan Elemen KBAT dalam Kemahiran Bahasa</i>	116



**SENARAI RAJAH**

No. Rajah		Muka surat
1.1	Kerangka konseptual kajian	15
2.1	Perubahan versi dalam terminologi taksonomi	54
2.2	Jenis-jenis kecerdasan	64
3.1	Kerangka Metodologi	68
3.3	Carta Alir Temu Bual Pakar	74
4.1	Elemen KBAT dalam kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam	85
4.2	Konsep pemikiran tertutup	106
4.3	Konsep pemikiran tertutup	108



**SENARAI SINGKATAN/SIMBOL/TATANAMA/ISTILAH (JIKA ADA)**

BBT	Bahagian Buku Teks
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
HOTS	<i>Higher Order Thinking Skills</i>
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SP	Sukatan Pelajaran
SPBT	Skim Pinjaman Buku Teks
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Menguasai dan mengamalkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) merupakan satu perkara yang penting bagi merealisasikan impian dan hasrat negara untuk melahirkan insan yang seimbang dan berkualiti. Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menggariskan pelbagai usaha penting seperti mewujudkan insan yang memiliki daya saing yang tinggi yang berasaskan KBAT. Hal ini menunjukkan bahawa kemajuan sesebuah negara bergantung pada tahap kemahiran dan ilmu pengetahuan yang dikuasai oleh rakyatnya. Bagi merealisasikan hasrat dan impian tersebut, sistem pendidikan Malaysia telah dipertanggungjawabkan untuk memikul mandat yang besar dalam usaha menyebarkan ilmu dan kemahiran kepada rakyat. Oleh hal yang demikian, suatu perubahan besar dan lebih tepat, transformasi telah berlaku dalam sistem pendidikan di Malaysia. Justeru, konsep KBAT telah ditekankan dalam PPPM





2013-2025 dalam usaha melahirkan insan yang mampu berdaya saing menjelang abad 21 kelak.

Dalam proses kognitif, kemahiran berfikir aras tinggi merupakan antara komponen utama dalam kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Kemahiran berfikir ini melibatkan keupayaan seseorang untuk mendapatkan maklumat atau idea baharu, menyimpan maklumat atau idea baharu, menyusun dan menghubungkan maklumat dengan pengetahuan sedia ada. Maklumat tersebut pula membolehkan seseorang untuk memanjangkan lagi sehingga mampu mencapai atau menyelesaikan sesuatu tujuan atau menyelesaikan sesuatu masalah yang rumit. KBAT menuntut seseorang insan untuk mengaplikasikan minda atau pemikiran secara meluas dan lebih terbuka bagi mendepani cabaran baharu. Landskap pendidikan Malaysia telah berubah disebabkan oleh ledakan teknologi maklumat yang berlaku pada peringkat global.



Situasi ini telah melabelkan pendidik hanya sekadar fasilitator kepada murid dan bukannya pendeta untuk menjadi rujukan murid. Hal ini demikian kerana murid lebih mudah memperoleh maklumat melalui pelbagai teknik dan corak pembelajaran seperti maklumat dalam talian atau *online*. Secara tidak langsung, proses pembelajaran telah berlaku lebih awal atau mendahului proses pengajaran. Oleh itu, murid haruslah berupaya untuk menjana pemikiran mereka dalam usaha menganalisis dan mengaplikasi maklumat yang diperoleh dengan berkesan. Onosko dan Newmann (1994) mengatakan bahawa penggunaan atau pengaplikasian minda dengan lebih meluas akan berlaku jika seseorang murid itu berupaya untuk menganalisis, mentafsir dan memanipulasikan maklumat untuk menyelesaikan atau menjawab soalan yang dikemukakan. Oleh itu, sejajar dengan kehendak dan permintaan dunia ini, maka pengubalan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bertepatan dengan





matlamat Falsafah Pendidikan Negara Malaysia, iaitu mampu meningkatkan kemampuan atau keupayaan intelek murid untuk berfikir aras tinggi.

KBAT yang disepadukan dalam pengajaran dan pembelajaran bertujuan untuk melatih atau memberi kemahiran kepada murid untuk berfikir aras tinggi agar berkebolehan berfikir secara kritis dan kreatif serta mampu menghasilkan idea baharu selepas proses pembelajaran. Soalan berunsurkan kemahiran berfikir aras tinggi telah diterapkan melalui soalan aras tinggi, aktiviti yang merangsang pemikiran serta soalan yang memerlukan murid menyelesaikan masalah. Di Malaysia, konsep KBAT ini sudahpun dilaksanakan dengan menyelitkan soalan bercirikan *Higher Ordinary Thinking Skill* (HOTS) yang diselitkan dalam peperiksaan, namun kini soalan-soalan KBAT digunakan hampir keseluruhannya dalam peperiksaan PT3 dan baru-baru ini Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).



Oleh hal yang demikian, menjelang tahun 2013, satu strategi penting telah dibentuk bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Strategi yang dimaksudkan adalah dengan menerapkan elemen KBAT sebanyak 20% dalam soalan atau aktiviti bagi buku teks agar dapat menyelaraskan tahap pemikiran murid menjelang abad 21.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sumber utama dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa yang penting di bilik darjah ialah buku teks. Oleh itu, dalam penulisan buku teks perlulah merangkumi kurikulum yang berkesan untuk menghasilkan kandungan yang berkualiti. Untuk menghasilkan kandungan yang berkualiti, isi kandungan buku teks perlulah bersifat membina dan mengembangkan pemikiran murid dengan menyerapkan elemen





kemahiran berfikir aras tinggi. Menurut Abd. Rahim Abd. Rashid (1999) bagi membina dan mengembangkan kemahiran berfikir dalam kurikulum bergantung pada stail atau gaya penulisan serta persembahan bahan dan idea yang dikembangkan dalam buku teks.

Dalam sistem pendidikan Malaysia menjelang tahun 2013, isi kandungan yang terkandung dalam buku teks adalah berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum Pelajaran (DSKP). Untuk memastikan perkembangan mental, pemikiran dan pengetahuan murid berlaku seimbang, bersepadu dan menyeluruh, maka isi kandungan buku teks perlulah menepati keperluan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Penulisan buku teks telah disediakan dalam bentuk modular atau modul. Penyelidik berpendapat bahawa penyediaan atau persembahan buku teks dalam bentuk modular adalah lebih mudah untuk memastikan murid dapat menguasai kecekapan berbahasa dengan pantas dan lebih baik. Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (2013), pendekatan modular ini membahagikan sesuatu kemahiran kepada unit-unit kecil yang dikenal sebagai modul. Modul yang disediakan dalam buku teks Bahasa Melayu ialah modul mendengar dan bertutur, modul membaca, modul menulis, modul seni bahasa dan modul tatabahasa. Hal ini menunjukkan bahawa buku teks ini amat menekankan penguasaan empat kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis di samping menekankan pemerolehan pengetahuan agar dapat memperkukuhkan kecekapan berbahasa. Berikut ialah kemahiran yang diserap masuk ke dalam buku teks KSSR.





(a) Modul kemahiran mendengar dan bertutur

Modul ini memberi penekanan pada kemahiran mendengar dan bertutur. Modul ini bertujuan untuk menguji kemahiran mendengar dan bertutur. Aktiviti yang disediakan dalam modul ini adalah untuk menguji keupayaan murid mendengar dengan teliti, memahami dan menghayati secara lisan tentang sesuatu isu atau perkara yang diperdengarkan dan memberikan respons secara spontan. Di samping itu, aktiviti dalam kemahiran bertutur juga bertujuan untuk menguji kebolehan murid untuk berkomunikasi dalam menjalinkan hubungan seperti menyampaikan maklumat atau informasi, perasaan, idea dan pendapat yang kreatif dan kritis dengan menggunakan intonasi dan sebutan yang betul dan sopan serta bertatasusila.

(b) Modul kemahiran membaca



Modul ini menekankan pada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan bacaan ilmu dan sastera secara kritis dengan menggunakan pelbagai teknik bacaan. Modul ini juga menyediakan aktiviti yang bertujuan untuk menguji keupayaan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda dan kelancaran. Di samping itu, murid berupaya menghayati teks yang dibaca.

(c) Modul kemahiran menulis

Modul ini bertujuan untuk menguji keupayaan murid dalam penulisan seperti menulis pelbagai jenis ayat, mencipta idea baharu dalam pelbagai jenis penulisan kreatif yang berhubung kait dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi murid. Murid digalakkan untuk menggunakan kreativiti mereka dalam penulisan bahan imaginatif. Melalui modul ini juga, murid didedahkan dengan penulisan ayat yang gramatis, penggunaan tanda baca dan ejaan yang betul serta tulisan yang kemas dan jelas.





(d) Modul seni bahasa

Modul ini menekankan aspek kebahasaan, keindahan dan kehalusan dalam bahasa Melayu. Aktiviti dalam modul ini membimbing murid dalam menguasai seni bahasa seperti kecekapan memahami dan menghayati bahasa. Aktiviti dalam modul ini juga menggalakkan murid untuk menghasilkan dan mempersembahkan karya atau penulisan kreatif mereka sama ada secara lisan mahupun bertulis dengan teknik yang menarik. Aktiviti dalam modul ini dapat menggalakkan murid belajar dengan lebih menyeronokkan melalui didik hibur.

(e) Modul tatabahasa

Modul ini mendedahkan murid kepada aspek morfologi dan sintaksis bahasa Melayu yang memerlukan murid memahami dan sekaligus menguasainya dengan berkesan. Aktiviti yang disediakan dalam modul ini akan diajar secara



Sehubungan dengan itu, penyelidik berhasrat untuk mengkaji arahan aktiviti dalam setiap modul kemahiran bahasa yang terdapat dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam bagi mengukur penerapan elemen KBAT dalam arahan tersebut. Memandangkan kelemahan murid dalam PISA, maka penyelidik ingin mengkaji sama ada arahan aktiviti dalam setiap modul kemahiran bahasa menerapkan kemahiran aras tinggi. Selain itu, penyelidik ingin meninjau pelaksanaan aktiviti berasaskan elemen KBAT dalam modul kemahiran bahasa tersebut. Penyelidik menyedari bahawa KBAT yang disarankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia ini perlulah dilaksanakan dengan telus dan diberikan perhatian oleh penulis buku mahupun pendidik.

Di samping itu, penyelidikan ini juga turut berlatarbelakangkan pelbagai dasar pendidikan yang terarah kepada pencapaian matlamat pendidikan, iaitu untuk





membina dan menyusun semula sistem pendidikan yang terarah kepada pembentukan masyarakat dan generasi akan datang yang mempunyai identiti keMalaysiaan dan bersatu padu. Untuk menghadapi cabaran abad 21, PPPM telah dirangka berdasarkan dasar dan laporan terdahulu yang telah memberikan pengaruh yang amat besar dalam sistem pendidikan di Malaysia. PPPM dirangka dengan berfokuskan cara untuk membangunkan dan meneruskan perkembangan serta menambah baik sistem pendidikan secara berterusan. Tiga objektif PPPM yang dirangka khusus adalah seperti berikut.

- (a) Memahami prestasi dan cabaran semasa sistem pendidikan Malaysia berfokuskan penambahbaikan akses kepada pendidikan, meningkatkan standard (kualiti), merapatkan jurang pencapaian (ekuiti), menggalakkan perpaduan dalam kalangan murid serta memaksimumkan keberkesanan sistem;
- (b) Mewujudkan visi dan aspirasi yang jelas untuk sistem pendidikan dan setiap murid bagi 13 tahun yang seterusnya sehingga tahun 2025; dan
- (c) Menggariskan program transformasi yang menyeluruh untuk sistem pendidikan, termasuk perubahan utama dalam Kementerian Pelajaran Malaysia yang membolehkan sistem ini memenuhi permintaan baharu dan jangkaan yang meningkat serta menyokong transformasi perkhidmatan awam.

(Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013)

Sehubungan dengan itu, penyelidik telah memilih untuk menjalankan penyelidikan ini kerana sistem pendidikan pada masa kini memerlukan penambahbaikan menjelang abad 21. Penambahbaikan dalam sistem pendidikan masa





kini amat diperlukan bagi membantu murid yang kurang berupaya mengaplikasikan pengetahuan dalam kemahiran berfikir aras tinggi terutamanya dalam konteks akademik biasa. Justeru, sistem pendidikan memainkan peranan penting dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan murid untuk berfikir secara kreatif dan kritis dan sekaligus memperoleh kemahiran untuk berfikir aras tinggi. Hal ini demikian kerana kajian terdahulu telah membuktikan bahawa buku teks yang disediakan lebih menekankan kepada soalan aras rendah. Menurut beberapa orang pengkaji seperti Noor Rohana Mansor (1996) dan Rawadieh (1998) dalam kajian mereka mendapati bahawa aras pemikiran soalan yang diaplikasikan dalam bahan rujukan kurikulum seperti buku teks dan buku kerja adalah pada aras rendah. Penggunaan soalan aras rendah menjadi pilihan guru dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah berbanding soalan aras tinggi. Berdasarkan kajian tersebut, pemikiran murid tidak didedahkan dan dirangsang dengan baik dan sewajarnya sebagai persediaan untuk menghadapi sebarang ujian mahupun peperiksaan besar seperti PISA. Ini jelas membuktikan bahawa kegagalan murid menjawab soalan dengan mantap dan berkesan berpunca daripada kurangnya pendedahan pemikiran mereka ke arah KBAT. Contohnya, PT3 dan baru-baru ini UPSR pada awal pengenالannya menunjukkan kemerostan keputusan murid. Dalam usaha untuk membantu murid mendapatkan pengetahuan sepanjang hayat mahupun dalam ekonomi yang berasaskan pengetahuan, kita perlulah mewujudkan semangat ingin tahu serta pengetahuan baharu dalam diri mereka.

Namun, menurut Arthur L. Costa (1999) dalam artikelnya *Changing Curriculum Means Changing Your Mind*, beliau menyarankan setiap individu mempunyai kemahiran dan bakat yang berbeza. Oleh itu, kita perlu cuba mengenal pasti dan mengembangkan bakat tertentu. Usaha ini dipercayai akan membawa kepada





perkembangan akal dan kebijaksanaan dalam diri murid. Menurut beliau lagi, proses pembelajaran boleh berjaya apabila murid dapat membentuk pemahaman mereka sendiri berdasarkan pengetahuan dan perbincangan dengan rakan-rakan yang lain. Mereka tidak boleh memahami sesuatu dengan mengetahui jawapan yang betul sahaja. Hal ini menuntut murid yang berkebolehan berfikir secara kritis dan melihat sesuatu idea atau peristiwa dari pelbagai sudut. Oleh itu, penyelidik berpendapat bahawa sudah tiba masanya, kita berubah daripada keseragaman kepada keupayaan, nilai dan bakat yang dimiliki oleh seseorang yang boleh menggalakkan perkembangan intelek murid.

Sehubungan dengan itu, Teori Taksonomi Bloom yang ditekankan dalam penulisan buku teks juga turut dapat memperkembangkan minda murid. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan guru memainkan peranan penting dalam mewujudkan suatu persekitaran yang dapat menggalakkan penglibatan murid yang aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, proses menjana pemikiran murid dapat dicapai apabila murid didedahkan dengan unsur KBAT. Hal ini telah melibatkan buku teks yang digunakan di bilik darjah. Dengan itu, penambahan ciri-ciri terkini, iaitu memasukkan elemen KBAT dalam buku teks telah bermula sejak tahun 2013. Elemen KBAT wajib dimasukkan bagi meningkatkan kemampuan kognitif murid dalam menaakul dan menjana idea. Ciri-ciri ini menjadi keutamaan dalam penulisan buku teks yang menjadi agenda penting dalam bidang pendidikan di Malaysia.





1.3 Pernyataan Masalah

Dewasa ini, KBAT telah dijadikan sebagai suatu isu yang serius di peringkat sekolah kerana didapati murid di Malaysia yang menduduki ujian Program Penilaian Murid Antarabangsa (PISA) tidak mencapai standard pemikiran kelas pertama dan tidak mampu mencapai aras yang memuaskan memandangkan Malaysia menyasarkan untuk mencatat kedudukan terbaik dalam PISA menjelang tahun 2025. Hasil kedudukan negara dalam PISA sebelum ini telah menunjukkan penurunan skor yang ketara. Situasi ini menunjukkan bahawa murid kurang didedahkan dengan aktiviti yang berunsurkan KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan sebaliknya lebih banyak melakukan aktiviti KBAR yang lebih menumpu kepada proses menghafal dan mengingat. Hal ini telah mencetuskan pelbagai inisiatif untuk penambahbaikan kurikulum, pembelajaran dan pengajaran, latihan guru dan pentaksiran di peringkat kebangsaan. Justeru, bagi melahirkan murid yang mampu berdaya saing, KBAT perlu diberi penekanan dalam PdP sejak dari sekolah rendah lagi dan guru perlu memastikan konsep KBAT digunakan semasa berlangsung PdP di bilik darjah.

Di samping itu, buku teks juga kurang menekankan konsep KBAT dalam aktiviti yang disediakan dan hal ini menyebabkan kurangnya pengaplikasian oleh guru dan murid di bilik darjah. Selaras dengan hal ini juga, kajian terdahulu juga mendapati bahawa tahap kesukaran bagi soalan-soalan pelbagai aras pemikiran dalam bahan-bahan alat bantu mengajar seperti buku teks atau buku tambahan juga membuktikan kebanyakan soalan yang dibina menggunakan soalan aras rendah. Menurut Noor Rohana Mansor (2009) kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu seperti Rawadieh (1998), Noor Rohana Mansor (1996) dan Marohaini Yusoff (1989)





masing-masing membuktikan bahawa aras kognitif soalan yang terkandung dalam bahan kurikulum memberi tumpuan kepada soalan aras rendah, manakala soalan pada aras kognitif atau pemikiran tinggi diabaikan. Kajian tersebut dapat menggambarkan senario umum untuk membuat penilaian sejauh mana perkembangan terkini khususnya dalam aspek soalan dan penyoalan telah berjaya menangani permasalahan yang ada. Sehubungan itu, kajian ini memberi fokus terhadap aspek tahap kesukaran soalan yang pelbagai aras pemikiran dalam bahan kurikulum, khususnya Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam. Permasalahan ini wajar diberi tumpuan kerana memberi kesan terhadap perkembangan kognitif atau pemikiran murid. Oleh itu, elemen KBAT perlu wujud dalam penulisan buku teks bagi menepati aspirasi dan kehendak PPPM 2013-2025.



Selain itu, tindakan Kementerian Pelajaran Malaysia yang berhasrat untuk menerapkan sekurang-kurangnya 75% elemen KBAT dalam buku teks menjadi satu isu yang hangat. Hal ini demikian kerana KBAT telah menjadi satu fenomena baharu dalam dunia pendidikan pada masa kini di seluruh dunia. KBAT didefinisikan sebagai keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu (KPM, 2013). Berdasarkan Teori Taksonomi Bloom semakan Anderson dan Karthwohl (2001), KBAT merujuk kepada kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Kemahiran ini dikenal pasti sebagai tahap pemikiran yang menjadi fokus utama dalam usaha menentukan standard atau kualiti pembelajaran bagi sesuatu mata pelajaran dalam usaha untuk memastikan murid menguasai tahap pemikiran aras tinggi seperti yang dihasratkan. Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan *blueprint*





PPPM (2013-2025) yang diberi penekanan kepada konsep KBAT dalam PdP. Hasrat PPPM ini juga telah memberi cabaran baharu kepada penulisan buku teks.

Oleh itu, rasional dalam pemilihan tajuk ini adalah untuk mengukur pelaksanaan elemen KBAT yang diaplikasikan dalam aktiviti yang diterapkan dalam buku teks. Tajuk dan isu ini merupakan konteks yang ingin dicapai mengikut PPPM. Penerapan elemen KBAT ini perlu dilaksanakan bagi mencapai aspirasi murid dalam kemahiran berfikir. Memandangkan elemen KBAT pada arahan aktiviti pembelajaran amat penting, maka penyelidik berhasrat untuk mengenal pasti penerapan elemen KBAT dalam arahan aktiviti tersebut sama ada menepati kehendak PPPM yang menekankan konsep KBAT bagi melahirkan murid abad ke-21.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengukur pelaksanaan elemen KBAT pada arahan aktiviti pembelajaran bagi Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam sama ada menepati kehendak PPPM (2013-2025). Tiga objektif kajian dibina, iaitu:

- 1.4.1 Menenal pasti ciri-ciri elemen KBAT yang terdapat dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam.
- 1.4.2 Menilai elemen KBAT pada arahan aktiviti pembelajaran yang terdapat dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam.
- 1.4.3 Menganalisis pandangan pakar tentang pelaksanaan aktiviti yang mempunyai elemen KBAT dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam.

